



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 111 BIL 37/2023

GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN KAUNSELING PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali ke 208 Bil 14/2023 telah meluluskan satu Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling Pelajar UMPSA bagi memastikan proses pengurusan perkhidmatan kaunseling dilaksanakan secara efisien dengan mematuhi piawaian amalan kaunseling.

Garis panduan ini dibina berpandukan beberapa rujukan utama seperti Prosedur Pengurusan Memberikan Perkhidmatan Kaunseling (2017), Akta Kaunselor 1998 (Akta 950), dan Kod Etika Kaunselor, 1994 Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA).

Garis Panduan ini juga menjadi sumber rujukan warga UMPSA untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling terutama bagi pelajar yang memerlukan. Ini adalah kerana dalam garis panduan ini telah merangkumi tatacara daripada penerimaan permohonan sehingga penamatan sesi kaunseling di Pusat Sejahtera, UMPSA.

Dilampirkan Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling Pelajar UMPSA atau ia juga boleh dirujuk di Ecommunity>Edasar>JHEPA>Garis Panduan.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pusat Sejahtera di talian 09 4316028 atau email kepada pusatsejahtera@ump.edu.my.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Dr. Noradilah Md Nordin

Pengarah
Pusat Sejahtera
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Tarikh : 10 Ogos 2023